



JABATAN PERTANIAN

Department of Agriculture

Unit Komunikasi Korporat

Aras 14 & 17, Blok 4G2, Wisma Tani

No. 30 Persiaran Perdana, Presint 4

62624 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telefon : 603-8870 3050/3038

Faks : 603-8870 3044

E-mel : pro @doa.gov.my

Portal Rasmi : www.doa.gov.my

KENYATAAN MEDIA

JABATAN PERTANIAN PERKUKUH PROTOKOL EKSPORT DURIAN KE CHINA BAGI MENJAMIN PEMATUHAN STANDARD ANTARABANGSA

PUTRAJAYA, 2 Julai 2026 – Jabatan Pertanian melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengambil maklum mengenai isu berkaitan pengeksportan durian segar Malaysia ke Republik Rakyat China melalui laluan darat dan sentiasa komited memastikan semua aktiviti eksport hasil pertanian negara mematuhi protokol serta keperluan perundangan yang dipersetujui antara kedua-dua negara.

Untuk makluman, protokol eksport durian segar yang sedang berkuat kuasa antara Malaysia dan China pada masa ini adalah berdasarkan laluan eksport yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Sehubungan itu, Jabatan Pertanian telah menerima maklum balas daripada pihak *General Administration of Customs of the People's Republic of China* (GACC) bahawa pengeksportan durian segar Malaysia ke China melalui laluan darat yang melibatkan negara transit tidak termasuk dalam skop protokol sedia ada yang telah dipersetujui.

Berdasarkan maklum balas tersebut, Jabatan Pertanian tidak pernah membenarkan penggunaan laluan darat bagi pengeksportan durian segar ke China buat masa ini sehingga protokol baharu atau pindaan kepada protokol sedia ada dimuktamadkan dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Bagi memastikan kelancaran perdagangan serta memelihara akses pasaran eksport negara, Jabatan Pertanian akan mengadakan rundingan lanjut bersama pihak GACC berhubung cadangan pelaksanaan eksport durian segar melalui laluan darat. Rundingan ini penting bagi memastikan aspek kebolehkesanan (*traceability*), keselamatan biosekuriti, pematuhan fitosanitasi dan integriti rantai bekalan dapat dipatuhi sepanjang proses penghantaran merentasi beberapa negara.

Dalam masa yang sama, Jabatan Pertanian akan melaksanakan sesi libat urus bersama Kementerian Pengangkutan (MOT) dan Pejabat Perwakilan Pertanian Malaysia di Bangkok bagi mendapatkan maklumat terperinci berkaitan keperluan logistik, perjanjian rentas sempadan, prosedur transit serta aspek kawal selia yang perlu dipatuhi sekiranya pengeksporan melalui laluan darat dilaksanakan pada masa hadapan.

Jabatan Pertanian juga mengambil maklum akan minat pihak industri terhadap pembangunan produk durian bernilai tambah termasuk durian segar potong (*pre-cut* durian) bagi pasaran eksport. Sehubungan dengan itu, sebarang cadangan pengeksporan produk berkenaan hendaklah disokong oleh kajian saintifik dan teknikal yang komprehensif bagi memastikan jaminan kualiti, keselamatan makanan serta jangka hayat produk sepanjang proses pengedaran.

Bagi tujuan tersebut, Jabatan Pertanian telah bekerjasama dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) untuk melaksanakan kajian yang diperlukan sebelum sebarang cadangan berkaitan pengeksporan durian segar potong dikemukakan kepada pihak berkuasa negara pengimport untuk pertimbangan lanjut.

Jabatan Pertanian sentiasa komited memperkukuh daya saing industri durian negara dan memperluas akses pasaran eksport melalui pematuhan kepada standard antarabangsa, pengukuhan hubungan perdagangan serta kerjasama erat dengan semua pihak berkepentingan.

#####

JABATAN PERTANIAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)

Unit Komunikasi Korporat | Jabatan Pertanian
Tel : 03-8870 3102 / 3042 / 3038 / 3050 E-mel : pro@doa.gov.my Faks : 03-8888 3044

